seluruhnya menunjukkan contoh-tauladan yang baik. Kita mestilah sentiasa sedar bahawa dengan wujudnya perpaduan dan persefahaman di kalangan pemimpin dan ahli UMNO dan seterusnya di kalangan ahli parti-parti anggota sekelian, kita tentu dapat mengekalkan keyakinan dan kepercayaan rakyat khususnya pengundi-pengundi yang telah memberi mandat kepada kita. Kepercayaan dan keyakinan rakyat ini hendaklah sama-sama kita pelihara pada setiap masa, lebih-lebih lagi apabila menghadapi pilihanraya. Disamping mengekalkan perpaduan parti, memelihara kepercayaan